

Headline	Bayi dijangkiti HIV pulih selepas rawatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	192,982
Page No	L-36	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,131
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,393



Bayi dijangkiti HIV pulih selepas rawatan

Chicago: Seorang bayi perempuan di Mississippi yang dilahirkan dengan jangkitan HIV didapati pulih selepas rawatan awal dengan ubat biasa HIV, kata sekumpulan penyelidik semalam.

Jarang berlaku

Kisah kanak-kanak itu adalah yang pertama membabitkan bayi menerima penawar yang berfungsi, peristiwa yang jarang berlaku terhadap seseorang mencapai pemulihan tanpa keperluan ubat-ubatan dan ujian darah standard menunjukkan tiada tanda bahawa virus itu muncul.



INFO

Bayi hidap HIV pulih

Bayi perempuan dilahirkan dengan jangkitan HIV pulih selepas rawatan awal dengan ubat biasa HIV. Lebih banyak ujian diperlukan bagi memastikan rawatan itu berkesan kepada kanak-kanak lain atau sebaliknya.

Lebih banyak ujian diperlukan untuk melihat sekiranya rawatan terbabit boleh memberi kesan yang sama terhadap kanak-kanak lain tetapi keputusan boleh mengubah cara bayi berisiko tinggi itu dirawat dan kemungkinan membawa kepada pemulihan bagi kanak-kanak yang dijangkiti HIV, kata virologis di Hospital Universiti John Hopkins di Baltimore, yang membentangkan penemuan itu pada Persidangan Retrovirus dan Kemungkinan Jangkitan di Atlanta.

Kisah kanak-kanak terbabit berbeza daripada kes yang terkenal kini membabitkan Timothy Ray Brown yang juga digelar sebagai 'pesakit Berlin' di mana jangkitan HIV beliau terhapus sama sekali melalui satu rawatan untuk leukemia pada 2007.

Rawatan itu membabitkan pemusnahan sistem imun dan pemindahan sel saraf tunjang dari seorang penderma dengan mutasi genetik yang amat jarang dan tahan terhadap jangkitan HIV. **Reuters**